

THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET

Ambroxol (30mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET
2. Bagaimana THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET
4. Cara menggunakan THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET
5. Semasa menggunakan THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran
10. Tarih kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET

THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET digunakan untuk merawat masalah saluran pernafasan yang melibatkan lendir pekat.

Bagaimana THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET berfungsi

THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET mengandungi ambroxol yang membantu untuk mencairkan lendir pekat, seterusnya memperbaiki pernafasan dan mengurangkan batuk.

Sebelum menggunakan THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap ambroxol hydrochloride atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam produk ini.

Sebelum mula menggunakan THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai alahan terhadap ubat-ubatan lain atau sebarang masalah berkaitan kesihatan termasuk:

- Pesakit yang mempunyai masalah hati dan buah pinggang.

- Perhatian khusus harus diberikan kepada pesakit yang sedang dalam fasa trimester pertama kehamilan.
- Pesakit dengan rawatan antibiotik kerana ubat ini mungkin boleh meningkatkan jumlah antibiotik.
- Jika gejala berterusan selama lebih 14 hari, sila dapatkan nasihat perubahan lanjut.
- Kes kronik yang sangat jarang melibatkan masalah kulit pernah dilaporkan. Dalam kebanyakan kes, ianya dikaitkan dengan masalah kesihatan lain atau pengambilan ubat-ubatan lain secara serentak. Bagi peringkat awal masalah kesan reaksi kulit, gejala seperti flu, demam, sakit sendi, hidung berair, batuk dan sakit tekak berlaku. Jika berlaku masalah pada kulit atau salur mukus, sila dapatkan rawatan dengan segera dan berhentikan pengambilan ubat ini.

Jika mengambil ubat-ubatan lain

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sekiranya anda perlu menggunakan THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET dengan ubat-ubatan yang lain. Anda juga perlu memaklumkan pada mereka tentang semua ubat-ubatan yang anda sedang ambil, termasuk ubat-ubatan tanpa preskripsi.

THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET yang diambil dengan antibiotik seperti amoxicillin, cefuroxime, erythromycin, doxycycline dalam masa yang sama akan menyebabkan jumlah antibiotik yang banyak dalam tisu paru-paru.

Cara menggunakan THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET

Berapa banyak harus digunakan

- Dewasa: Ambil 1biji.

Bila perlu digunakan

Ambil 3 kali sehari selepas makan.

Berapa lama perlu digunakan

THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET perlu diambil seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Jangan berhenti mengambil ubat ini tanpa

berbincang dengan doktor anda. Sila berjumpa doktor anda jika gejala anda tidak bertambah baik.

Juka terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET

Perkara yang perlu dilakukan

- Guna ubat mengikut arahan doktor atau maklumat pada kotak ubat.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda. anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Faedah pengambilan ubat ini bagi wanita yang sedang hamil fasa trimester pertama perlu diambil kira berbanding risiko pada bayi. Sila rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang hamil atau

THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET

Ambroxol (30mg)

menyusukan anak.

Memandu dan menggunakan mesin
THROZZ AMBROXOL 30MG
TABLET berkemungkinan besar tidak akan mengganggu keupayaan anda memandu dan mengendalikan jentera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan lain THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini walaupun tidak semua orang mengalaminya. Jumpa doktor anda dengan segera jika anda mempunyai mana-mana kesan sampingan yang serius berikut. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan yang segera.

- Kesan sampingan bagi pengambilan ambroxol termasuk kesan pada gastrousus seperti pedih ulu hati, ketidakhadaman dan kembung perut.
- Kesan sampingan alahan seperti ruam kulit, sukar untuk bernafas, bengkak pada muka, bibir, mulut, lidah atau tekak yang menyukarkan anda untuk menelan atau bernafas mungkin berlaku secara jarang.
- Beberapa kes yang sangat jarang melibatkan tindakbalas anafilaksis termasuk kejutan anafilaktik pernah dilaporkan namun kaitannya dengan pengambilan ambroxol adalah tidak pasti.

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda untuk maklumat lanjut. Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan THROZZ AMBROXOL 30MG TABLET

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.
Jauhi semua ubat daripada kanak-

kanak.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dihapuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk membuang ubat-ubatan jika tidak lagi diperlukan. Langkah ini akan membantu untuk melindungi alam persekitaran

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

Tablet bulat rata berwarna putih tidak bersalut dengan tepi serong dan timbul 'Z1' pada satu sisi.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

AMBROXOL 30MG

Bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose
Titanium Dioxide
Sodium Starch Glycolate
Povidone 30
Colloidal Anhydrous Silica
Magnesium Stearate
Purified Talc

Nombor MAL

MAL26056040X

Pengilang

Saga Lifesciences Limited
Survey No. 198/2 & 198/3,
Chachrawadi Vasna, Tal.: Sanand,
Dist.: Ahmedabad 382210 India

Pemegang Pendaftaran Produk

Medicinspire Global Sdn Bhd
B-5-28, Ativo Plaza
No.1, Jalan PJU 9/1
Damansara Avenue
Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

29/06/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 26/017